

KOLEKSI PERCUBAAN
SPM
TASAWWUR ISLAM
2022
BAHAGIAN B
SOALAN 1

JOHOR 1

- 1 a i. Nyatakan maksud ibadah. [2 markah]
- ii. Jelaskan pembahagian ibadah beserta contoh. [4 markah]
- b i. Dolah dan rakan-rakan sedang bermain bola sepak, sejam kemudian azan berkumandang. [4 markah]
Berdasarkan situasi di atas, terangkan tindakan yang sewajarnya dilakukan.
- c i. Nyatakan prinsip asas ekonomi Islam. [2 markah]
- ii. Matlamat pembangunan sistem ekonomi dalam Islam adalah untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. [4 markah]

Terangkan **dua** keistimewaan sistem ekonomi Islam.
- d i. Senaraikan **dua** jenis sistem ekonomi konvensional yang ditentukan oleh manusia. [2 markah]
- ii. Nyatakan bentuk-bentuk ketidakadilan yang wajib dielakkan dalam sistem ekonomi Islam. [2 markah]

JOHOR 2

- 1 (a) (i) Apakah maksud Islam sebagai ad-Din ? [2 markah]
- (ii) Terangkan sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup. [2 markah]

Yakin dengan kewujudan makhluk Allah yang dicipta daripada cahaya dan sentiasa taat menjalankan tugas yang ditetapkan Allah SWT

Pernyataan A

Yakin bahawa sesuatu yang berlaku kepada manusia telah ditetapkan oleh Allah SWT

Pernyataan B

- (b) (i) Nyatakan Rukun Iman yang tepat bagi kedua-dua pernyataan di atas. [2 markah]
- (ii) Huraikan kesan bagi individu yang tidak beriman dengan kedua-dua pernyataan di atas. [4 markah]
- (c) (i) Apakah **dua** asas dalam pemilikan sesebuah harta ? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** jenis pemilikan harta beserta contoh. [4 markah]
- (d) Terangkan **dua** kesan pekerjaan yang haram kepada individu., [4 markah]

KELANTAN

Agama Islam yang telah disempurnakan dan diredhai Allah SWT adalah nikmat terbesar bagi umat manusia sehingga mereka tidak memerlukan selainnya.

- 1 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan Islam ?. [2 markah]
- (ii) Terangkan dua kepentingan rukun Islam. [4 markah]



Gambar 1 : Contoh ibadah kepada Allah SWT

Gambar 1 di atas, menunjukkan contoh ibadah khusus fardhu ain yang menjadi kewajipan bagi setiap individu muslim.

- (iii) Jelaskan dua kepentingan ibadah solat dalam Islam. [4 markah]

Sabda Rasulullah SAW: "Kebaikan itu adalah akhlak yang mulia dan dosa adalah apa yang terasa mengganggu jiwamu, dan engkau tidak suka jika diketahui manusia." (Riwayat Muslim).

- (b) (i) Hadis di atas menjelaskan tentang perlakuan terpuji dan tercela sebagaimana di gambarkan oleh Islam.
Jelaskan maksud akhlak menurut Islam. [2 markah]



Gambar 2 : Pekerja binaan sedang bekerja

Pekerjaan merupakan satu kegiatan yang dilakukan oleh seseorang untuk mendapatkan sumber rezeki yang halal.

- (ii) Bincangkan kesan jika seseorang seseorang hidup tanpa pekerjaan. [4 markah]

Sistem ekonomi Komunis muncul akibat ketidakadilan dalam pengagihan harta kekayaan dalam masyarakat.

- (iii) Berikan dua sebab sistem ekonomi tersebut bertentangan dengan Islam. [4 markah]

PAHANG

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud iman. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** ciri malaikat. [2 markah]

Akidah ialah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli.

- (b) (i) Berikan **dua** konsep akidah Islam. [2 markah]
- (ii) Rasul diutuskan kepada manusia dengan tujuan tertentu. Bincangkan. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** kesan pengabaian sistem ekonomi Islam. [4 markah]
- (d) (i) Jelaskan **dua** ciri pekerjaan menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan pekerjaan yang haram kepada masyarakat. [4 markah]

PERAK

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud iman [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** rukun iman [2 markah]

Encik Abu akan menjalani pembedahan pintasan jantung pada bulan hadapan di sebuah hospital swasta terkemuka

- (b) (i) Senaraikan **dua** amalan akidah yang perlu dilakukan oleh Encik Abu. [2 markah]
- (ii) Ramalkan keadaan yang akan berlaku sekiranya Encik Abu tidak mempunyai pegangan akidah yang kuat. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** ciri pekerjaan dalam Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** etika kerja Islam. [4 markah]
- (d) Jelaskan **dua** asas pemilikan harta dalam Islam. [4 markah]

PULAU PINANG 1

1. (a) i. Apakah maksud akhlak Islam? [2 markah]
- (b) Nyatakan dua contoh akhlak mazmumah terhadap alam sekitar. [2 markah]



- (c) i. Namakan jenis akhlak dalam gambar di atas. [2 markah]
- ii. Bagaimanakah akhlak di atas dapat mewujudkan perpaduan dalam masyarakat? [4 markah]



- (d) i. Berdasarkan gambar di atas, nyatakan dua prinsip muamalat Islam. [2 markah]
- ii. Terangkan dua langkah menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam. [4 markah]



- iii. Terangkan dua peranan institusi zakat di Malaysia. [4 markah]

PULAU PINANG 2

1. (a) i. Jelaskan maksud iman. [2 markah]

Yakin dan percaya bahawa alam ini akan musnah. Semua manusia akan dibangkitkan semula dan dihisab untuk menerima balasan-Nya sama ada syurga atau neraka.

Pernyataan A

Yakin dan percaya bahawa segala yang berlaku kepada manusia dan alam keseluruhannya telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Pernyataan B

- ii. Apakah rukun Iman yang bertepatan dengan pernyataan A dan pernyataan B di atas? [2 markah]

- (b) i.

X
Akhlak terpuji yang bersumberkan wahyu al-Quran dan al-Sunnah.

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan istilah bagi **X** beserta contoh. [2 markah]

- ii.

Sabda Rasulullah SAW, Ertinya: <i>"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."</i> (Riwayat Ahmad)
--

Huraikan bukti anda bagi menyokong pernyataan maksud hadis di atas. [4 markah]


TERENGGANU

1. (a) (i) Nyatakan maksud Islam sebagai al-Din. (2 markah)
(ii) Terangkan **dua** tindakan yang boleh anda lakukan untuk merealisasikan Islam sebagai cara hidup. (4 markah)

- (b) (i) Apakah maksud ibadah? (2 markah)
(ii) Jelaskan **dua** cara meningkatkan kualiti ibadat. (4 markah)

Pekerjaan merupakan kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal.

- (c) Jelaskan **dua** sebab Islam menuntut umatnya bekerja. (4 markah)



Ibadah solat yang merupakan salah satu daripada rukun Islam sememangnya akan dapat membentuk murid-murid yang berdisiplin dan menjaga waktu dengan baik.

- (d) Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. (4 markah)

SABAH

1. (a) i. Nyatakan maksud Syumuliyah (2 markah)
- ii. Jelaskan **dua** ciri-ciri prinsip Syumuliyah (4 markah)
- iii. Terangkan **dua** keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam (4 markah)
- (b) i. Jelaskan **dua** peranan pekerjaan (2 markah)
- ii. Terangkan kesan pekerjaan yang halal terhadap masyarakat. (2 markah)
- (c) Terdapat sistem ekonomi konvensional yang mengamalkan riba dan tidak adil terhadap rakyat.
 - i. Nyatakan **dua** jenis sistem ekonomi konvensional yang dianggap menzalimi rakyat. (2 markah)
 - ii. Pada pendapat anda, mengapakah sistem ekonomi konvensional di atas tidak menepati syariat Islam? (4 markah)

SARAWAK

1. (a) (i) Apakah maksud Islam sebagai al-Din? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup. [2 markah]
- (b) (i) Jelaskan dua asas sistem ekonomi Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan dua kepentingan bekerja dalam kehidupan manusia. [4 markah]
- (iii) Huraikan dua kesan pekerjaan yang haram kepada masyarakat. [4 markah]

Masih terdapat ramai Si Tanggah moden yang muncul sekarang Ini. Hanya kerana mengejar kekayaan dan harta di bandar, ibu bapa ditinggalkan di kampung dan langsung tidak dijenguk.

- (c) Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh anak untuk membalas jasa ibu bapa mereka. [6 markah]

PANDUAN PENSKORAN

JOHOR 1

1.	(a)	i.	Maksud Ibadat : Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati semata-mata kepada-Nya yang berlandaskan syariat Allah SWT	1 isi x 2 markah = 2 markah
		ii.	Dua pembahagian ibadat beserta contoh: • Ibadah umum, contoh: belajar, bekerja sebagai doktor, sedekah dll • Ibadah khusus , contoh: solat, puasa, solat sunat dll	2 isi x 2 markah = 4 markah
	(b)		Contoh jawapan Tindakan yang boleh diambil oleh saya ialah berhenti daripada bermain bola sepak (I) untuk menghormati seruan azan dan Kemudian mengajak rakan-rakan dengan berhemah agar mereka berhenti untuk menunaikan solat asar secara berjemaah (H). Hal ini kerana solat adalah satu kewajipan bagi umat Islam (HL) Oleh itu, sebagai umat Islam kita hendaklah menunaikan perintah Allah dengan sempurna dan solat pada awal waktu agar hidup kita diberkati Allah SWT (K).	4 isi x 1 markah = 4 markah 1I + 1H + 1HL + 1K
	(c)	i.	Dua prinsip asas ekonomi Islam : 1. Akidah, syariah dan akhlak Islam sebagai teras • <u>Penghayatan iman</u>, hari akhirat serta patuhi syariat dalam kegiatan ekonomi. • <u>Mengamalkan akhlak Islam</u> dalam kegiatan ekonomi. 2. Manusia sebagai Khalifah • Allah SWT pemilik segala-galanya, manusia sebagai <u>pemegang amanah</u>. • Makhluk-makhluk lain dicipta untuk memenuhi keperluan manusia. 3. Pekerjaan dan ganjaran • Manusia perlu bekerja dan berusaha bagi <u>menjana pendapatan</u>. • Penglibatan dalam <u>kegiatan ekonomi</u> dikira sebagai <u>ibadat</u> dan <u>majikan</u> perlu <u>beri ganjaran</u> yang setimpal. 4. Keuntungan dan kerugian • Keuntungan dan kerugian dalam ekonomi adalah perkara lumrah (biasa). • Mekanisma mudarabah dan musyarakah digalakkan bagi penuhi prinsip ini. (kongsi modal dan kepakaran untuk berniaga) 5. Keadilan sosial • Kegiatan ekonomi mesti membawa keadilan sosial kepada semua lapisan masyarakat. • Keperluan asasi manusia seperti makanan dan tempat tinggal dijaga dan terpelihara. 6. Larangan kerosakan dan kezaliman	2 isi x 1 markah = 2 markah

		• Sebarang bentuk kerosakan kepada manusia atau alam sekitar hendaklah dielakkan. • Islam mengharamkan penindasan, penipuan, eksploitasi, pencemaran alam dan pembaziran dalam kegiatan ekonomi. •	
	C ii.	Matlamat pembangunan sistem ekonomi dalam Islam adalah untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Dua keistimewaan sistem ekonomi Islam: • Sistem yang lengkap dan menyeluruh berpandukan wahyu Allah SWT. • Berteraskan dan akhlaq Islam • Menggabungkan antara aktiviti ekonomi dengan akidah Islam. • Memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas (daruriyat) dan keperluan (hajiyyat) berbanding barangan mewah (tahsiniyyat). • Bermotifkan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.	2 isi x 2 markah = 4 markah 2I+ 2H
	d i.	Dua jenis sistem ekonomi konvensional yang ditentukan oleh manusia: • Kapitalis • Komunis • Sosialis • Campuran	2 isi x 1 markah = 2 markah
	ii	Bentuk-bentuk ketidakadilan yang wajib dielakkan dalam sistem ekonomi Islam: • Mengamalkan riba dalam memberi pinjaman. • Menipu dalam sukatan dan timbangan. • Memberi rasuah dan menerima rasuah. • Menganggur dan tidak mahu bekerja. • Melanggar hak cipta©	2 isi x 1 markah = 2 markah

JOHOR 2

1(a) (i). Maksud Islam sebagai Ad Din ialah cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.
[2M]

(ii) Manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup bagi :-

- Memandu hidup manusia supaya mengikut syariat
- Jalan untuk Bahagia di dunia dan akhirat
- Akal manusia terbatas untuk mengetahui hakikat kebenaran sesuatu perkara

[2M]

(b) (i) Rukun Iman selain yang di nyatakan :-

- Beriman kepada para Malaikat
- Beriman kepada Qadak dan Qadar

[2M]

(ii) Kesan individu yang tidak beriman dengan rukun iman ialah :-

- Terkeluar daripada Islam kerana ia merupakan asas kepada agama Islam. Ini menyebabkan manusia tidak lagi takut untuk melakukan dosa. Oleh itu, kita hendaklah memupuk rasa beriman sejak dari kecil lagi

[4M]

(c) (i) Dua asas dalam pemilikan harta :-

- Allah SWT ialah pemilik sebenar harta yang mengamanahkannya kepada manusia
- Manusia perlu memiliki harta dengan cara yang sah seperti berjual beli

[2M]

(ii) Dua jenis pemilikan harta :-

- Hak Milik Individu seperti memiliki rumah
- Hak Milik Negara seperti hasil galian
- Hak Milik Umum seperti sungai

(Pilih dua jenis sahaja)

[4M]

(d) Dua kesan pekerjaan yang haram kepada individu ialah :-

- Dilaknat Allah SWT kerana melanggar syariat
- Dibenci masyarakat kerana melakukan kerja buruk
- Rasa berdosa seperti apabila bekerja sebagai pelacur

(Pilih dua kesan sahaja)

[4M]

KELANTAN

Soalan			Skema	Markah
1	(a)	(i)	Maksud Islam ialah Taat dan patuh / kepada perintah Allah SWT serta meninggalkan laranganNya.	1 Isi X 1 huraian = [2 markah]
		(ii)	Dua kepentingan rukun Islam ialah 1. Memantapkan asas ibadah seseorang muslim. 2. Merupakan kunci kepada pengamalan ibadah dalam Islam. 3. Menjamin ibadah-ibadah lain diterima oleh Allah SWT. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 Isi x 2 Huraian = [4 markah]
		(iii)	Dua kepentingan ibadat solat dalam Islam ialah 1. Amalan yang pertama di hisab diakhirat, jika ibadat solat diterima maka ibadah lain akan diterima. 2. Dapat menyelamatkan diri daripada perbuatan keji dan mungkar.	2 Isi x 2 Huraian = [4 markah]
	(b)	(i)	Maksud akhlak menurut Islam ialah Sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perlakuan /tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam. - Tingkahlaku seseorang yang didorong oleh sesuatu keinginan secara sadar untuk melakukan kebaikan.	1 Isi X 1 huraian = [2 markah]
		(ii)	Kesan hidup tanpa pekerjaan Dibenci masyarakat (F) kerana sering meminta minta(H) akibat ketiadaan wang(H1) dan selalu menyusahkan masyarakat (H2) kerana tiada sumber pendapatan (H3)yang boleh membantu beliau untuk memiliki sesuatu barang (H4)samaada untuk keperluan sendiri atau keluarga (H5) F2 – Dibenci oleh Allah F3 – Cenderung melakukan maksiat F4 – Gelap masa depan Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	1 Isi 1 Huraian 1 huraian lengkap 1 kesimpulan = [4 markah]
		(iii)	Dua sebab sistem ekonomi komunis bertentangan dengan Islam kerana 1. Semua keputusan ekonomi di buat oleh kerajaan 2. Pemilikan individu tidak dibenarkan sama sekali 3. Seluruh kegiatan ekonomi diusahakan secara bersama. Mana-mana jawapan yang munasabah diterima	2 Isi x 2 Huraian = [4 markah]

PAHANG

1.	(a)	(i)	Membenarkan dengan hati / berikrar dengan lisan / lidah (1m) dan beramal dengan anggota badan / mengamalkan segala perintah / suruhan Allah SWT (1m).	2 isi x 1 m = 2m								
		(ii)	• Dicipta / dijadikan daripada cahaya • Sentiasa taat kepada Allah SWT • Boleh menyerupai sesuatu • Bergerak pantas • Tidak berjantina • Tidak bernafsu • Bersayap	2 isi x 1 m = 2 m								
	(b)	(i)	• Ketuhanan / Ilahiyyah • Kenabian / Nubuwwah / Kerasulan • Perkara-perkara Ghaib / Perkara Ghaib / Ghaibiyah	2 isi x 1 m = 2 m								
		(ii)	Rubrik Pengskoran :- <table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td> • Menyatakan satu pandangan sahaja (F) </td><td>1m</td></tr><tr><td> • Menjelaskan pandangan (H1) • Huraian ringkas </td><td>1m</td></tr><tr><td> • Menghuraikan pandangan (H2) • Huraian yang lengkap </td><td>1m</td></tr><tr><td> • Menghuraikan pandangan (H3) • Kesimpulan ringkas </td><td>1m</td></tr></table> Contoh jawapan : Menyeru manusia mentauhidkan Allah SWT (F1) agar bebas daripada syirik (H1). Dengan itu manusia sentiasa berada di jalan yang benar (H2). Oleh itu kita hendaklah berpegang teguh kepada ajaran rasul (H3). Cadangan jawapan :- • Menyeru manusia mentauhidkan / mengesakan / menyembah Allah SWT • Menunjukkan cara hidup yang benar / lengkap • Mengajar manusia cara beribadat yang betul • Menyempurnakan kemuliaan akhlak	Kriteria	Skor	• Menyatakan satu pandangan sahaja (F)	1m	• Menjelaskan pandangan (H1) • Huraian ringkas	1m	• Menghuraikan pandangan (H2) • Huraian yang lengkap	1m	• Menghuraikan pandangan (H3) • Kesimpulan ringkas
Kriteria	Skor											
• Menyatakan satu pandangan sahaja (F)	1m											
• Menjelaskan pandangan (H1) • Huraian ringkas	1m											
• Menghuraikan pandangan (H2) • Huraian yang lengkap	1m											
• Menghuraikan pandangan (H3) • Kesimpulan ringkas	1m											

	(c)	• Agihan harta tidak adil / pemilikan harta tertumpu kepada kelompok / kelas tertentu sahaja • Gejala rasuah / penipuan / eksploitasi ekonomi semakin berleluasa • Gagal menjadi negara yang baik / berdaulat / diampuni Allah SWT • Ekonomi negara akan hancur / merosot / merudum • Golongan miskin semakin tertindas • Keharmonian masyarakat terjejas • Nilai-nilai moral semakin terhakis • Golongan kaya semakin kaya • Amalan riba berleluasa	2 isi x 2 m = 4 m 2 - 0
	(d) (i)	• Patuh syariah • Tiada riba / rasuah • Pekerjaan yang halal • Mengambil berat tentang ibadah • Memastikan keselamatan diri dan orang lain. • Menjaga ketenteraman awam / persekitaran / alam sekitar / kelestarian hidup	2 isi x 1 m = 2 m 2 - 0
	(ii)	• Masyarakat terdedah kepada jenayah (1m) seperti mencuri (1m). • Masyarakat mundur (1m) kerana kegiatan ekonomi berunsur negatif (1m). • Masyarakat huru hara / kucar kacir (1m) kerana dilaknati / dimurkai Allah SWT (1m). Masyarakat terdedah kepada masalah sosial (1m) kerana tidak takutkan Allah SWT (1m).	2 isi x 2 m = 4 m

PULAU PINANG 1

Soalan			Jawapan	Markah
1	a	i	Maksud akhlak Islam -ialah sifat yang tertanam dalam jiwa/ yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan / tanpa memerlukan pertimbangan yang mendalam	1 isi X 2 markah = 2 markah
		b	Dua contoh akhlak mazmumah terhadap alam sekitar ialah • Pengotor • Mencemarkan alam sekitar • Membuang sampah merata-rata	2 isi x 1markah = 2 markah
	c	i	Jenis akhlak dalam gambar di atas ialah akhlak mahmudah	2 markah
		ii	Cadangan isi jawapan ❖ Menjalinkan kasih-sayang antara kaum ❖ Mengikis sifat pentingkan diri sendiri ❖ Memupuk sikap saling bekerjasama ❖ Mengeratkan silaturahim	4 markah Isi + H + HL + K
	d	i	Dua prinsip muamalat Islam ● Kerelaan dalam berurusanniaga. ● Tidak mengandungi elemen haram spt riba, gharar dan perjudian. ● Urus niaga tidak membawa kepada kerosakan terhadap struktur ekonomi dan sosial masyarakat.	2 isi x 1 markah = 2 markah
		ii	Dua langkah menggalakkan masyarakat bermuamalat dengan muamalat Islam ● Memberi didikan agama khususnya berkaitan ekonomi dan kewangan Islam/ dalam sistem pendidikan negara. ● Memberikan penerangan melalui media massa/supaya masyarakat tahu kebaikan bermuamalat secara Islam. ● Mengembangkan kemudahan perbankan Islam/secara menyeluruh. ● Mengemaskini sistem muamalat Islam/ supaya boleh menarik minat masyarakat untuk memilih perbankan Islam.	2 isi x 2 =4 markah 1 Isi = 1 markah 1 Huraian = 1 markah
		iii	Dua peranan institusi zakat di Malaysia -mengutip zakat daripada golongan yg berkemampuan membayar zakat/ untuk diberi kepada asnaf -mengagihkan zakat secara efisien dan adil kepada mereka yang berhak menerima zakat.	2 isi x 2 =4 markah 1 Isi = 1 markah 1 Huraian = 1 markah

PULAU PINANG 2

1.	(a)	i.	Maksud iman ialah Membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan terhadap segala perintah dan suruhan Allah SWT. (2m)	1x2m [2 markah]
		ii.	- Pernyataan A ialah beriman kepada hari akhirat/kiamat. (1m) - Pernyataan B ialah beriman kepada qadak dan qadar. (1m)	2x1m [2 markah]
	(b)	i.	Istilah bagi X ialah akhlak mahmudah. (1m) Contohnya, reda (1m), bersyukur (1m), amanah (1m), penyabar (1m), pemaaf (1m), pemurah (1m), menjaga kebersihan (1m) dan menghormati orang lain (1m).	2x1m [2 markah]
		ii.	Contoh jawapan Rasulullah SAW memiliki akhlak yang sangat terpuji kerana baginda adalah utusan Allah SWT (I). Hal ini kita dapat lihat sewaktu baginda SAW berdakwah menyebarkan Islam secara sabar, pemaaf, pemurah dan amanah (HR). Kesan akhlak mahmudah baginda, masyarakat arab jahiliyah beramai-ramai memeluk agama Islam (HL). Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita perlulah mencontohi akhlak Rasulullah SAW agar hidup kita bahagia di dunia dan akhirat (K).	4x1m [4 markah] I+HR+ HL+K
	(c)	i.	Dua sumber utama sistem ekonomi Islam selain al-Quran dan al-Hadis ialah - Al-Ijmak. (1m) - Al-Qias. (1m)	2x1m [2 markah]
		ii.	Dua matlamat pemilikan harta ialah - Mendapat keberkatan dan rahmat Allah SWT(1m) kerana menurut peraturan syariat (1m). - Menjamin keselamatan hidup di dunia dan akhirat (1m) kerana mentaati perintah Allah SWT (1m). - Membangunkan ekonomi umat Islam (1m) selaras dengan syariat (1m). - Mengelakkan daripada berlakunya penindasan dan kezaliman (1m) yang dibenci Allah SWT (1m).	2x2m [4 markah] I+H
	(d)		Dua kesan pekerjaan yang haram kepada individu ialah - Dilaknat oleh Allah SWT (1m) kerana mengingkari syariat (1m). - Dibenci masyarakat (1m) kerana melakukan kerja yang buruk (1m). - Jiwa menjadi resah (1m) kerana makan dari sumber yang haram (1m). - Akhlak menjadi buruk (1m) kerana tidak mendapat rahmat Allah SWT (1m).	2x2m [4 markah] I+H

PERAK

1a	i	Iman bermaksud membenarkan dengan hati, berikrar dengan lisan dan beramal dengan anggota badan / terhadap segala perintah dan suruhan Allah	1 isi x 2M = 2 Markah
	ii	Rukun Iman ✓ Beriman kepada Allah ✓ Beriman kepada malaikat ✓ Beriman kepada kitab-kitabNya ✓ Beriman kepada para nabi dan rasul ✓ Beriman kepada hari akhirat ✓ Beriman kepada Qadak dan Qadar	2 isi x 1M = 2 Markah
b	i	Dua amalan akidah yang perlu dilakukan oleh En Abu ✓ Memohon perlindungan hanya kepada Allah ✓ Reda dengan ketentuan Allah ✓ Sentiasa ikhlas dalam amalan ✓ Bersangka baik dengan Allah	2 isi x 1M = 2 Markah

	ii	Rubrik penskoran <table><tr><th>Kriteria</th><th>skor</th></tr><tr><td>Menyatakan fakta</td><td>1M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta + huraian</td><td>2M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut</td><td>3M</td></tr><tr><td>Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan</td><td>4M</td></tr></table> Cadangan jawapan Sekiranya Encik Abu tidak mempunyai akidah yang kuat - resah /gelisah/stress - putus asa dengan rahmat Allah - takut kepada kematian - berjumpa dengan bomoh - prestasi kerja menurun	Kriteria	skor	Menyatakan fakta	1M	Menyatakan fakta + huraian	2M	Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut	3M	Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan	4M	
Kriteria	skor												
Menyatakan fakta	1M												
Menyatakan fakta + huraian	2M												
Menyatakan fakta + huraian + huraian lanjut	3M												
Menyatakan fakta dan huraian + huraian lanjut+ kesimpulan	4M												
c	i	Dua ciri pekerjaan - Halal - Menurut kehendak syarak - Menjaga ketenteraman awam - Memastikan keselamatan diri dan orang lain - Mengambil berat tentang ibadah	2 isi x 1M = 2 Markah										
	ii	Dua etika kerja Islam - Ikhlas bekerja (1m) kerana Allah (1m) - Amanah ketika bekerja(1m) seperti tidak menipu (1m). - Tekun bekerja (1m) supaya memperoleh hasil yang diberkati Allah(1m). - Bekerjasama untuk meningkatkan produktiviti (1m) agar - mencapai piawai dan kualiti yang ditetapkan(1m) - Berdisiplin / menepati masa (1m) agar kerja dapat disiapkan pada masa yang telah ditetapkan(1m)	2 isi x 2M= 4 Markah Isi + Huraian										
d		Dua asas pemilikan harta - Allah ialah pemilik sebenar harta (1m) yang menganugerahkannya dan mengamanahkannya kepada manusia (1m) - Allah telah menetapkan cara pemilikan harta yang sah (1m) seperti jual beli dan wasiat (1m) - Allah memerintahkan manusia untuk berusaha memiliki harta(1m) bagi memenuhi keperluan asasi kehidupan mereka (1m) - Allah menetapkan cara perbelanjaan harta secara berhemat (1m) seperti tidak melakukan pembaziran /bakhil (1m)	2 isi x 2M= 4 Markah Isi + Huraian										

SABAH

I.	(a)	i.	Maksud Syumuliyah ialah: - Lengkap iaitu agama Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.	1 isi x 2m 2 markah
		ii.	Dua ciri prinsip Syumuliyah ialah: - Kesempurnaan hanya milik Allah <i>yang tidak boleh dipertikaikan</i> - Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu <i>untuk seluruh umat manusia</i> - Manusia dikekalkan dengan akal dan syariat yang lengkap <i>sesuai dengan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT</i>	2 isi x 2m 4 markah
		iii.	Dua keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam ialah: - Sesuai dengan fitrah dan akal manusia <i>kerana Allah lebih mengetahui fitrah kejadian manusia.</i> - Bersifat jelas dan praktikal <i>agar mudah dilaksanakan dan tidak membebankan</i> - Sesuai dengan peranan sebagai khalifah <i>untuk memakmurkan kehidupan dan kesejahteraan manusia</i> - Keseimbangan <i>dalam hubungan dengan Allah, manusia dan alam sekitar</i> - Mementingkan budaya ilmu <i>bagi membina ketamadunan dan kemajuan hidup berdasarkan ilmu</i> - Rahmat bagi sekalian alam <i>kerana Islam mementingkan nilai kasih sayang dan persaudaraan</i>	2 isi x 2m 4 markah
	(b).	i.	Dua peranan pekerjaan ialah: - Memenuhi tuntutan ibadah kepada Allah - Menunaikan tanggungjawab bagi memenuhi keperluan asasi kehidupan individu dan keluarga - Meningkatkan taraf sosioekonomi individu, masyarakat dan negara - Meningkatkan pembangunan ekonomi Negara	2 isi x 1m 2 markah
		ii.	Kesan pekerjaan yang halal terhadap masyarakat ialah: - Masyarakat sejahtera <i>kerana diberkati Allah</i> - Masyarakat maju <i>kerana menjalankan kegiatan ekonomi yang adil</i>	1 isi x 2m 2 markah
	(c).	i.	Dua jenis sistem ekonomi konvensional ialah: - Kapitalis - Komunis - Sosialis - Campuran	2 isi x 1m 2 markah
		ii.	Pada pendapat saya, sistem ekonomi konvensional ini tidak menepati syariat Islam kerana: <u>Cadangan jawapan:</u> Ketidakadilan pengagihan harta kekayaan dalam masyarakat (I) kerana tidak mempunyai kebebasan untuk memiliki usaha sendiri. (H1) Kesannya pengagihan harta hanya tertumpu kepada kelompok kelas atasan sahaja. (H2) Kesimpulannya, sistem ekonomi hendaklah berdasarkan ekonomi Islam agar hidup sejahtera di dunia dan akhirat. (H3)	4 isi x 1m 4 markah

SARAWAK

1. (a) (i) Apakah maksud Islam sebagai al-Din? (ms:3) [2 markah]
Islam adalah cara hidup yang lengkap/ merangkumi akidah, ibadah dan akhlak.
- (ii) Jelaskan dua sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup. (ms:3) [2 markah]
- memandu arah hidup manusia supaya mengikut syariat Islam.
 - cara hidup Islam ialah jalan untuk mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
 - akal manusia terbatas untuk mengetahui hakikat kebenaran sesuatu perkara.
 - Islam menjadi asas tatacara perhubungan manusia untuk mencapai keharmonian hidup bermasyarakat.
- (b) (i) Jelaskan dua asas sistem ekonomi Islam. (ms:3) [2 markah]
- mengiktiraf pemilikan harta individu.
 - mengelola harta yang dimiliki menurut syarak.
 - mengagihkan harta dalam kalangan masyarakat dengan adil.
- (ii) Terangkan dua kepentingan bekerja dalam kehidupan manusia. [4 markah]
- mendapat keredaan dan keberkatan drpd Allah. (ms:8)
 - mencari rezeki yg halal utk menyara kehidupan sendiri dan keluarga.
 - mampu berdikari tanpa perlu meminta belas ihsan drpd org lain.
 - meningkatkan taraf hidup kerana memiliki sumber pendapatan.
 - mengurangkan masalah pengangguran dan meningkatkan ekonomi negara.
- (iii) Huraikan dua kesan pekerjaan yang haram kepada masyarakat. [4 markah]
- Masih terdapat ramai Si Tanggung moden yang muncul sekarang Ini. Hanya kerana mengejar kekayaan dan harta di bandar, ibu bapa ditinggalkan di kampung dan langsung tidak dijenguk.
- (c) Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh anak untuk membalas jasa ibu bapa mereka. [6 markah]
- menggembirakan hati mereka
 - mendoakan kesejahteraan mereka di dunia dan di akhirat
 - mentaati segala perintah mereka selagi tidak bertentangan dengan syariat Islam.

TERENGGANU

NO SOALAN			JAWAPAN	MARKAH
1.	(a)	(i)	Maksud Islam sebagai al-Din ialah Islam adalah cara hidup yang lengkap (1m) merangkumi akidah, ibadah dan akhlak (1m)	2 markah
		(ii)	Dua tujuan rasul diutuskan kepada manusia • Membaca, menghayati kandungan Al- Quran(1m) agar hidup dirahmati oleh Allah SWT.(1m) • Menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan (1m) dalam segala tindakan.(1m) • Menghayati sirah perjuangan Rasulullah SAW (1m) agar hidup lebih terpandu ke arah kebaikan.(1m) • Mendalami ilmu asas Islam(1m) yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak.(1m)	4 markah
	(b)	(i)	Maksud ibadah Ibadah ialah pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan,perkataan dan pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kepada-Nya yang berlandaskan syariat Allah SWT.	2 markah
		(ii)	Dua cara meningkatkan kualiti ibadat • Sentiasa mengingati Allah SWT (1m) ketika melakukan pekerjaan • Meningkatkan ilmu pengetahuan (1m) tentang ibadah khusus dan umum • Sentiasa berdamping (1m) dengan orang soleh dan berilmu	4 markah
	(c)		Dua sebab Islam menuntut umatnya bekerja ialah : • Untuk memudahkan umatnya menunaikan ibadah (1m) seperti berzakat • Untuk memenuhi keperluan hidup (1m) seperti makanan dan tempat tinggal • Memperoleh keberkatan daripada Allah SWT (1m) kerana melaksanakan ibadah fardhu ain.	4 markah
	(d)		KBAT • Murid yang berdisiplin akan terbentuk melalui ibadah solat khususnya solat secara berjemaah (1m) kerana mereka akan mengikut imam yang akan mendidik seseorang mengikut peraturan (1m). Hal ini akan menjadi tarbiah harian mereka melalui ibadah solat yang akan menjamin kehidupan yang berjaya di dunia dan akhirat. Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa menjaga solat untuk mendapat keberkatan hidup dari Allah SWT. *Mana-mana jawapan yang munasabah boleh diterima.	Isi 1M H 1M HL 1M K 1M (4 markah)